



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

**PANDUAN
PAJAK GADAI**

KANDUNGAN

PENDAHULUAN.....	1
Cukai Barang dan Perkhidmatan Secara Umum	1
LAYANAN CBP KE ATAS PAJAK GADAI.....	1
Penyediaan Cagaran.....	1
Pengakaunan CBP bagi jualan cagaran dalam pajak gadai konvensional	2
Pajak Gadai Islam.....	4
Perakaunan GST ke Atas Jualan Barang Gadaian Tidak Ditebus Di Bawah Pajak Gadai Islam	5
Kadar dan Caj.....	6
Kredit Input Cukai (ITC)	7
SOALAN LAZIM	7
MAKLUM BALAS DAN KOMEN	10
BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT	10
PINDAAN.....	i



PENDAHULUAN

1. Panduan ini disediakan bagi membantuperniagaan memahami perkara-perkara berhubung dengan layanan CBP ke atas industri pajak gadai.

Cukai Barang dan Perkhidmatan Secara Umum

2. Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST) merupakan cukai berperingkat ke atas kepenggunaan dalam negeri. GST dikenakan ke atas semua pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai di dalam Malaysia melainkan sesuatu pembekalan secara khusus dikecualikan. GST juga dikenakan ke atas pengimpotan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.

3. Bayaran cukai dilakukan secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai akan dibayar di sepanjang rantaian pengeluaran dan pengedaran, hanya nilai tambah di setiap peringkat dikenakan cukai dan dengan itu cukai berganda dielakkan.

4. Di Malaysia, orang yang berdaftar di bawah Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan 2014 disebut sebagai orang berdaftar. Orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai yang dibuat kepada pelanggan. Dia dibenarkan menuntut semula apa-apa CBP yang ditanggung (cukai input) ke atas pembeliannya yang merupakan input kepada perniagaannya. Oleh itu, cukai tersebut bukan merupakan kos kepada perantara dan tidak wujud sebagai item perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

LAYANAN CBP KE ATAS PAJAK GADAI

Penyediaan Cagaran

5. Penyediaan cagaran oleh pemajak gadai kepada pemegang pajak gadai/pengendali Ar-Rahnu dan pampasan yang dibuat oleh pemegang pajak gadai/pengendali Ar-Rahnu sekiranya cagaran itu musnah, rosak, dicuri atau atas perbuatan kecuaiian yang lain oleh pemegang pajak gadai / pengendali Ar-Rahnu bukanlah satu pembekalan dan tidak tertakluk kepada CBP. Juga, penyediaan



pinjaman oleh pemegang pajak gadai/pengendali Ar-Rahnu adalah pembekalan dikecualikan.


Pengakaunan CBP bagi jualan cagaran dalam pajak gadai konvensional

6. Implikasi CBP ke atas transaksi melibatkan cagaran yang ditebus dan cagaran tidak ditebus seperti berikut:

(a) **Cagaran ditebuskan**

Tempoh penebusan kebiasaannya adalah dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh gadaian atau dalam tempoh lebih panjang seperti dipersetujui antara pemajak gadai dan pemegang pajak gadai. Jika pemajak gadai memperolehi semula barang atau menebus cagaran dalam tempoh penebusan yang dipersetujui, tindakan ini tidak akan mencetuskan implikasi CBP kerana tidak terdapat pemindahan milik secara rasmi. Seorang pemegang pajak gadai tidak membuat sebarang pembekalan dan tidak seharusnya mengakaun CBP ke atas penebusan itu. Tebusan ke atas cagaran oleh pemajak gadai bukan satu pembekalan jika ditebus dalam tempoh yang dipersetujui.

Rajah 1: Ilustrasi Mengenai Gadaian dan Tebusan



(b) **Cagaran tidak ditebus**

Layanan GST ke atas cagaran yang tidak ditebus adalah seperti berikut:-

(i) Cagaran tidak melebihi RM200.00

Sekiranya tidak ditebus dalam tempoh tebusan, cagaran tersebut secara automatik menjadi milik pemegang pajak gadai. Implikasi CBP adalah:


- Pindah milik cagaran tersebut bukan merupakan satu pembekalan barang bagi tujuan GST.
- Jika pemegang pajak gadai menjual barang dicagar kepada pihak ketiga (contoh: tukang emas), pemegang pajak gadai itu telah membuat pembekalan bercukai. GST perlu diakaun jika pemegang pajak gadai tersebut ke atas jualan tersebut jika dia adalah orang kena cukai.

(ii) Gadaian melebihi RM200.00

Sekiranya tidak ditebus dalam tempoh penebusan, cagaran tersebut akan dipindahkan kepada pelelong yang akan melelong barang yang tidak ditebus itu. Cagaran barang tidak ditebus itu kepada pelelong bukanlah satu pembekalan dan GST tidak perlu diakaunkan.

Apabila pelelong melelong barang yang tidak ditebus, jualan barang tidak ditebus itu adalah dianggap sebagai satu pembekalan yang dibuat oleh pemajak gadai. Pelelong hendaklah mengena dan mengakaun CBP ke atas jualan barang tidak ditebus itu dengan syarat pemajak gadai adalah seorang berdaftar. Jika pemajak gadai bukan seorang berdaftar, CBP tidak dikenakan ke atas jualan barang tidak ditebus itu. Jika pelelong adalah orang kena cukai, pelelong itu akan mengenakan CBP ke atas perkhidmatannya kepada pemegang pajak gadai. Sila rujuk kepada **Rajah 2** berikut:

Rajah 2: Ilustrasi Layanan GST Ke atas Cagaran Tidak Ditebus



Pajak Gadai Islam

7. Pajak gadai yang dikendalikan di bawah sistem kewangan Islam dikenali sebagai Ar-Rahnu yang bermaksud “meletakkan sesuatu (barang kemas yang mempunyai ketulenan melebihi 18 karat)” sebagai kolateral untuk mendapatkan pinjaman dan kolateral ini digunakan untuk membayar pinjaman jika peminjam tidak membayar pinjaman pada akhir tempoh penebusan yang dipersetujui. Kolateral yang diserahkan kepada pemberi pinjaman dan pemulangan balik kolateral itu apabila bayaran semula dibuat oleh peminjam tidak merupakan pembekalan. Pinjaman kepada peminjam adalah suatu pembekalan dikecualikan dan tidak tertakluk kepada cukai.

8. Berbeza dari pajak gadai konvensional, tiada elemen faedah ke atas pinjaman di bawah Ar-Rahnu, tetapi terdapat bayaran untuk menyimpan dengan selamat yang mana pemberi pinjaman dibenarkan untuk mengenakan bayaran yang munasabah untuk menyimpan barang yang dicagar dalam keadaan baik dan selamat. Bayaran

dikenakan pada kadar yang tetap ke atas nilai cagaran. Bayaran menyimpan dengan selamat ini adalah dikecualikan dari cukai. Jika bayaran ini dikenakan atas pinjaman di mana tiada pinjaman dijamin oleh pemegang pajak gadai, bayaran itu tidak tertakluk kepada CBP. Bagaimanapun, jika pemberi pinjaman gagal menepati perjanjian, dia akan bertanggungjawab untuk mengganti barang yang hilang atau dicuri kepada pemunya. Gantian kolateral oleh pemberi pinjaman tidak merupakan suatu pembekalan bagi tujuan CBP.

9. Di bawah Ar-Rahnu, tempoh tebusan pertama ialah 6 bulan. Namun begitu, tempoh tebusan itu boleh dilanjutkan yang akan oleh orang yang memegang cagaran. Setelah tempoh lanjutan maksimum, cagaran yang tidak ditebus akan dilupuskan oleh operator Ar-Rahnu bagi pihak pemajak gadai melalui lelongan terbuka yang dikira sebagai pembekalan bercukai di bawah CBP. Oleh itu, operator itu hendaklah mengakaunkan GST bagi jualan barang yang tidak ditebus.

10. Operator boleh membuat tuntutan cukai input yang ditanggung ke atas perbelanjaan seperti takaful, caj pengangkutan dan keselamatan ke atas cagaran dibiayai oleh operator semasa urusan lelongan.

11. Hasil jualan bersih ke atas cagaran yang dilelong akan dipulangkan kepada pemajak gadai atau benefisiari oleh pemegang pajak gadai tidak merupakan pembekalan yang dibuat oleh operator Ar-Rahnu dan oleh itu hasil itu tidak tertakluk kepada cukai. Walau bagaimanapun khidmat lelong adalah pembekalan bercukai dan tertakluk kepada GST.

Perakaunan GST ke Atas Jualan Barang Gadaian Tidak Ditebus Di Bawah Pajak Gadai Islam

12. Andaikan barang yang digadai bernilai RM1,666.00 dan bank (pemegang pajak gadai) akan hanya mengeluarkan pinjaman maksimum sebanyak RM1,000.00 dengan tempoh bayaran selama enam bulan. Jika bayaran menyimpan selamat gadaian adalah 65 sen bagi setiap RM100.00, maka bayaran itu adalah RM10.83 sebulan ataupun RM64.97 bagi tempoh 6 bulan. Jika barang itu tidak ditebus dan dilelong pada harga RM1,666.00, bank akan menolak RM1,000.00 untuk pinjaman, RM97.46 untuk bayaran menyimpan selamat (9 bulan) dan bayaran pentadbiran untuk lelongan RM50.00, dan selebihnya akan dipulangkan kepada pelanggan.

Ilustrasi berikut akan menunjukkan transaksi yang tertakluk kepada GST:

Nilai cagaran oleh pemajak gadai (registran)			1,666.00
GST (6%)			99.96
Nilai jualan cagaran			1,765.96
Pemajak gadai akaun cukai			99.96
Pinjaman	1,000.00		
Bayaran simpanan selamat		97.46	
* Bayaran pentadbiran	50.00		
GST (6%)	<u>03.00</u>	53.00	1,150.46
Dipulangkan kepada pelanggan			<u>515.54</u>

*Jika pelelong adalah orang berdaftar, GST dikenakan olehnya kepada pemajak gadai ke atas perkhidmatan yang diberi.

Kadar dan Caj

13. Secara amnya layanan CBP ke atas kadar dan caj seperti berikut:

- (a) Tidak tertakluk kepada CBP:
 - (i) Faedah / bayaran menyimpan selamat;
 - (ii) Fi carian @RM4.00;
 - (iii) Bayaran lesen;
 - (iv) Permit pengiklanan;
 - (v) Lebihan dibayar kepada pemajak gadai apabila pemegang pajak gadai menjual cagarannya;
 - (vi) Pelupusan cagaran tidak ditebus kepada Akauntan Negara.
- (b) Tertakluk kepada CBP pada kadar standard:
 - (i) Bayaran tiket cagaran;
 - (ii) Caj pengendalian;
 - (iii) Insuran (Perolehan).

Kredit Input Cukai (ITC)

14. Cukai input ditanggung ke atas perbelanjaan seperti insuran/takaful, caj pengangkutan dan perkhidmatan keselamatan bagi cagaran di bawah simpanan selamat atau ururan lelongan. Oleh kerana pemegang pajak gadai / operator Ar-Rahnu adalah membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan dikecualikan, dia adalah layak untuk menuntut cukai input yang diagihkan secara langsung kepada pembekalan bercukainya. Bagi input lebihan (residual) seperti elektrik dan premium insuran, dia boleh menuntut ITC berdasarkan peraturan pengagihan (*apportionment rules*). Sila rujuk kepada Panduan Am berhubung Kredit Cukai Input.

SOALAN LAZIM

Pendaftaran

S1: Apakah pembekalan bercukai yang perlu saya ambilkira bagi tujuan pendaftaran GST?

J1: Pembekalan itu adalah:

- (a) Jualan barang yang tidak ditebus
- (b) Caj pengendalian/ pentadbiran
- (c) Pembekalan bercukai lain

Kredit Cukai Input

S2: Saya menanggung perbelanjaan ke atas pembaikan dan pembersihan barang tidak ditebus yang telah pecah. Bolehkah saya menuntut CBP ke atas perbelanjaan yang ditanggung ke atas jualan barang tidak ditebus ini?

A2: Ya, anda boleh menuntut CBP sepenuhnya sebagai kredit input cukai kerana input tersebut adalah secara langsung diagihkan kepada jualan barang tidak ditebus itu (pembekalan bercukai pada kadar standard).

S3: Bagaimana pula perbelanjaan overhead seperti letrik dan sewa pejabat?

- J3: Oleh kerana bil letrik dan sewa pejabat merupakan lebihan (*residual*) input, anda hendaklah mengagihkan perbelanjaan ini dengan menggunakan kaedah pusing ganti (*turnover*) kerana sebagai pemegang pajak gadai, anda membuat kedua-dua pembekalan dikecualikan dan pembekalan bercukai. Lebihan input (*residual input*) adalah input yang mana anda boleh agihkan secara langsung kepada sama ada pembekalan bercukai atau dikecualikan.
- S4: Pemegang pajak gadai menanggung CBP ke atas bayaran perkhidmatan pelelong. Bolehkah pemegang pajak gadai itu menuntut kredit cukai input ke atas bayaran perkhidmatan ini?**
- J4: Tidak, pemegang pajak gadai tidak dibenarkan menuntut CBP ke atas bayaran perkhidmatan pelelong kerana pelelong telah menjual barang tidak ditebus itu bagi pihak pemajak gadai yang merupakan pemunya barang tersebut.

Kos Pengendalian

- S5: Pemegang pajak gadai mengenakan bayaran sebanyak 50 sen bagi setiap tiket sebagai bayaran pengendalian. Adakah bayaran ini tertakluk kepada CBP?**
- J5: Ya, ia tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
- A6. Adakah perkhidmatan pembersihan ditanggung ke atas cagaran yang disediakan oleh pemajak gadai kepada pemegang pajak gadai tertakluk kepada CBP?**
- J6. Ya, pembekalan itu adalah pembekalan berkadar standard.

Pelupusan ke atas barang tiruan

- S7: Ada ketika pemegang pajak gadai tanpa disedari menerima barang tiruan sebagai cagaran daripada pemajak gadai. Apabila pemegang pajak gadai menjual barang tiruan itu dan seterusnya menanggung kerugian, adakah jualan itu tertakluk kepada CBP?**

J7: Pelupusan cagaran tidak ditebus sama ada asli ataupun tiruan adalah pembekalan bercukai. Oleh itu, anda mestilah mengenakan CBP ke atas jualan barang itu.

Kerugian ke atas Pelupusan

S8: Ada ketikanya hasil jualan bagi cagaran yang tidak ditebus pajak gadai tidak dapat menampung nilai pinjaman dan faedah, yang kemudiannya menyebabkan pemegang pajak gadai mengalami kerugian. Bolehkah kerugian tersebut dikecualikan daripada CBP?

J8: Setiap pelupusan gadaian yang tidak ditebus merupakan pembekalan bercukai samada rugi atau untung. Oleh itu jualan tersebut tertakluk kepada GST dan tidak ada pengecualian diberi.

Pelupusan cagaran melalui tender terbuka/ lelongan di bawah Ar-Rahnu

S9: Saya melupuskan cagaran yang tidak ditebus melalui proses tender. Dalam proses tender tersebut borang tender dijual kepada orang awam. Adakah jualan borang tender ini dikenakan CBP?

J9: Jualan borang tender tersebut dikenakan CBP pada kadar standard.

S10: Saya mengenakan bayaran perkhidmatan sebanyak 1% atas harga jualan bagi pelupusan barang cagaran. Adakah bayaran perkhidmatan tersebut dikenakan CBP?

J10: Ya, ia tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Gadaian tidak ditebus dibawah pajak gadai konvensional

S11: Apabila cagaran yang bernilai RM150.00 tidak ditebus setelah tamat tempoh tebusan, hakmilik barang yang dicagar berpindah kepada pemegang pajak gadai. Adakah pindah milik tersebut merupakan pembekalan barang dari pemajak gadai kepada pemegang pajak gadai?

J11: Pindah milik tersebut berlaku kerana kegagalan membuat bayaran ke atas pinjaman dan barang tersebut dirampas. Oleh itu, tiada pembekalan dibuat semasa barang itu tidak ditebus.

Pelepasan bagi barang terpakai

S12. Bolehkah pemegang pajak gadai mendapatkan pengurangan ke atas cukai yang dikenakan iaitu pelepasan bagi barang terpakai, apabila dia melupus cagaran yang tidak ditebus?

J12. Tidak, pengurangan itu tidak dibenarkan bagi perniagaan anda kerana ia hanya terpakai untuk pelupusan kenderaan bermotor (kereta, motorsikal, bas dan lain-lain). Keterangan lanjut mengenai skim margin boleh dirujuk kepada Panduan Am Cukai Barang Dan Perkhidmatan.

MAKLUM BALAS DAN KOMEN

15. Sebarang maklum balas atau komen adalah sangat dihargai. Sila emel maklum balas atau komen anda kepada Rozila Binti Saad (rozila.saad@customs.gov.my) atau Navukarasu A/L Ganesan (navukarasu.ganesan@customs.gov.my).

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT

16. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:

- (a) Laman sesawang CBP: www.gst.customs.gov.my
- (b) Hotline CBP: 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam:
 - Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
 - Faks : 03-78067599
 - Emel : ccc@customs.gov.my

PINDAAN

No.	Tarikh	Tajuk/Subtajuk/Perenggan	Deskripsi
1.	14.07.2014	Perenggan 12	Pembetulan pengiraan.
2.	11.09.2014	Sub-Perenggan 6(b)(i)	Pindah milik cagaran tersebut bukan merupakan satu pembekalan barang bagi tujuan GST.

